



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNWP. 900-6/1/10 Jld. **45 (71)**
Tarikh : **9** Disember 2019

YBhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim
Pengerusi Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor

YBhg. Dato' Sri,

MEMOHON KELULUSAN DAN SOKONGAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED – LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk. Surat YBhg. Dato' Sri Ruj.: M/2019/11/9 bertarikh 27 November 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) **tiada halangan** memberi kebenaran kepada pihak YBhg. Dato' Sri untuk berurusan dengan **pihak pentadbir sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** bagi mengadakan **Program Kitar Semula "Xused – Learn & Earn" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment)** bagi tahun 2020 seperti kandungan surat YBhg. Dato' Sri yang dipanjangkan kepada kami.

3. Walau bagaimanapun, pihak YBhg. Dato' Sri adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 5 Tahun 2018 – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapatkan kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat terlebih dahulu;
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan murid, guru dan anggota sokongan hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran / kerja mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru, anggota sokongan, murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid-murid, guru-guru, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;

Ruj. Kami : JPNWP. 900-6/1/10 Jld. 45 (71)
Tarikh : 9 Disember 2019

- 3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.10 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.11 Pihak Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak YBhg. Dato' Sri gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

4. Kelulusan ini hanya untuk tujuan dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **20 November 2020**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**MOHD NAJIB BIN AB. RAHMAN, KMW**)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- s.k:
1. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu
 2. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Sentul
 3. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Keramat
 4. Fail